

0953

R B172 BAH
PBS - BN

I

KOTA KINABALU, 23 OKT (BERNAMA) -- PARTI BERSATU SABAH (PBS) HARI INI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR KERANA MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN PERSEKUTUAN TIDAK AKAN MENGHUKUM RAKYAT SABAH KERANA TINDAKAN PARTI ITU BERGABUNG DENGAN PIHAK PEMBANGKANG.

DALAM KENYATAAN YANG DIKELUARKAN DI SINI, SETIAUSAHA AGUNG PBS DATUK JOSEPH KURUP BERKATA, PBS AKAN MENYOKONG DASAR KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG MEMBAWA KE ARAH PERSEFAHAMAN, INTEGRASI NASIONAL DAN PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT.

KATANYA, DENGAN BERAKHIRNYA PILIHAN RAYA, BARISAN NASIONAL (BN) DAN PBS PERLU MENGETEPIKAN PERBEZAAN MEREKA DAN MENERUSKAN TANGGUNGJAWAB MEMBAWA PEMBANGUNAN KEPADA PELBAGAI KUMPULAN MASYARAKAT DI SABAH.

DATUK KURUP MENDAKWA WALAUPUN PBS MERUPAKAN SEBUAH PARTI PEMBANGKANG, IA MEMPUNYAI OBJEKTIF YANG SAMA DENGAN BN UNTUK MEMPERBAIKI TARAF KEHIDUPAN RAKYAT. -- BERNAMA.

1919MST 23 10 90